



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

# **KARNIVAL KERJAYA DAN USAHAWAN WANITA SEDIA 2,286 PELUANG PEKERJAAN DAN PENJANAAN PENDAPATAN DI SELURUH NEGARA**

**Cheras, 23 November** – YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita bertempat di Aeon Mall, Taman Maluri, Kuala Lumpur . Karnival ini diadakan bertujuan untuk membina platform untuk menghubungkan kumpulan sasaran wanita yang terjejas berikutan pandemik COVID-19 dengan menyediakan peluang pekerjaan dan penjana pendapatan melalui Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM.

Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita telah diadakan bermula Mac hingga November di seluruh negara. Sebahagian besar penganjurannya diadakan secara dalam talian berikutan situasi pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan. Secara keseluruhan, penganjurannya telah melibatkan seramai 198 majikan yang menawarkan sebanyak 16,827 peluang pekerjaan. Inisiatif ini dilihat mendapat sambutan yang menggalakkan apabila seramai 6,394 peserta telah menyertai karnival ini. Sehingga 13 November 2021, seramai 501 peserta telah berjaya dalam temuduga yang diadakan dan mendapat pekerjaan.

YB Datuk Seri Rina dalam ucapannya mengharapkan inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM ini menjadi wadah Kementerian dalam usaha memperkasakan wanita dalam sektor ekonomi seperti mana yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dengan mensasarkan penyertaan wanita

dalam sektor ekonomi mencapai 59 peratus pada tahun 2025.

Selain itu, beliau juga menyeru para wanita untuk tidak melepaskan peluang bertemu dengan majikan-majikan yang bersedia untuk menawarkan pekerjaan, di samping bertemu para usahawan yang membuka peluang untuk menjadi usahawan. Golongan yang disasarkan adalah wanita dalam kalangan suri rumah, B40, M40 dan wanita yang menjadi Ketua Isi Rumah termasuk ibu tunggal.

Penganjuran Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita pada kali ini yang diadakan secara fizikal melibatkan sebanyak 13 majikan dan 6 usahawan menawarkan 2,286 peluang pekerjaan di seluruh Malaysia. Penganjuran ini juga secara tidak langsung dapat memperkukuhkan jaringan komunikasi dan penyampaian maklumat antara pihak Kementerian dengan kumpulan sasar hingga ke peringkat akar umbi.

Antara syarikat-syarikat majikan yang terlibat pada hari ini ialah AEON Co. Malaysia Berhad, Bubblebee Sdn Bhd, Dommal Food Services Sdn Bhd (Dominos), J&T Express Malaysia Sdn Bhd, Lotuss Stores (Malaysia) Sdn. Bhd., MFM Restaurants Sdn Bhd (Fish Manhattan), Mydin Mohamed Holdings Berhad, McDonalds Malaysia, Marrybrown Headquarters, Oldtown Kopitiam Sdn. Bhd., Sri Ternak Food Mart Sdn. Bhd., Watson's Personal Care Stores Sdn. Bhd. dan Vivo America Pizza & Panini. Manakala para usahawan pula terdiri dari MamaCare, Uniseri, Mitvana DSAB, Syukor Burger, Norwex Malaysia dan Loveta by Siti Sarah.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat**  
Jabatan Pembangunan Wanita  
No. 55, Persiaran Perdana  
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1884

Tarikh dikeluarkan : 23 November 2021